

Media Title: Kosmo!

Date: 7 April 2015

Title: Tokio Marine lancer identity jenama baru
(Page 52) (Niaga)

Tokio Marine lancar identiti jenama baru

PENJENAMAAN. Tokio Marine memperkenalkan identiti jenama korporat baharunya, Tokio Marine Insurance Group, yang terdiri daripada syarikat insurans hayat dan bukan hayatnya di Malaysia.

Menurut kenyataan, penjenamaan semula itu mencerminkan komitmen syarikat untuk menyediakan perkhidmatan terbaik kepada pelanggannya menerusi platform pemasaran tanpa henti sebagai penyedia penyelesaian insurans menyeluruh.

Kempen penjenamaan semula syarikat yang bertemakan, *Ready For What's Next* itu bermula di seluruh negara menerusi platform media utama.

Ia bakal memberi tumpuan terhadap detik-detik penting dalam kehidupan seseorang, keputusan yang dibuat dan tawaran penyelesaian insurans oleh Tokio Marine Insurance Group bagi memenuhi keperluan mereka dan cabaran pada peringkat kehidupan yang berbeza.

Penjenamaan semula itu menandakan satu lagi pencapaian penting dalam sejarah Tokio Marine selama lebih 65 tahun di Malaysia.



KAKITANGAN Tokio Marine tampil dengan bergaya seiring penjenamaan semula syarikat di Kuala Lumpur semalam.